

**TEORI FALSAFAH BAHASA DALAM STANDARD  
KURIKULUM BAHASA MALAYSIA  
SEKOLAH RENDAH**

***LANGUAGE PHILOSOPHY THEORY OF MALAY  
LANGUAGE CURRICULUM STANDARD IN PRIMARY  
SCHOOL***

*Dr. Hj. Mohd Rashid Hj. Md. Idris & Mahzir Bin Ibrahim*

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris*

*Perak, MALAYSIA*

*rashid@fbk.upsi.edu.my*

**ABSTRAK**

Kurikulum Bahasa Malaysia di sekolah rendah adalah penting untuk menjayakan peranan dan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, bahasa kebangsaan, bahasa pengantar dan bahasa penyatupadan kaum-kaum di Malaysia. Dalam hal ini, kajian berkaitan dengan standard kurikulum ini adalah perlu untuk memberi nilai tambah kepada kelangsungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang inginkan adanya usaha berterusan ke arah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti Teori Falsafah Bahasa, menyelidik kandungan standard dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), dan mengenal pasti aspek Teori Falsafah Bahasa dalam Bahasa Malaysia KSSR. Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial. Oleh itu, kajian ini akan membantu golongan pendidik dalam merealisasikan impian tersebut. Pada masa yang sama diharapkan para pelajar sejak di sekolah rendah lagi dapat mengamalkan prinsip kesempurnaan berbahasa seperti dalam gagasan Teori Falsafah Bahasa untuk membolehkan mereka memahami, menghayati dan melahirkan rasa bangga menjadi rakyat Malaysia yang berbahasa Melayu.

**Kata Kunci:** Kurikulum Bahasa Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Sekolah Rendah, Teori Falsafah Bahasa

## **ABSTRACT**

*Malay subject in primary school's curriculum is vital to the success of the role and function of Malay language as an official language, the national language, the language of instruction and language integration of races in Malaysia. In this case, the research related to the curriculum standards is necessary to add value to the existence of National Education Philosophy in looking towards the ongoing efforts for a balanced and harmony intellectual, spiritual, emotional and physics. The objective of this study is to examine the Philosophy of Language Theory, to review the standard content in Malay based on the Standard Curriculum for Primary Schools (KSSR), and to identify some aspects of Theory of Philosophy in Malay Language KSSR. Standard Malay Primary School Curriculum is designed to enable students to be competent in speaking and communicating to meet the needs of self necessity, knowledge, skills, information, values, ideas and social relations. Therefore, this study will help educators to achieve those goals. At the same time students from primary school are expected to speak to the principle of perfection like the idea of Philosophy of Language Theory to enable them to understand, appreciate and speak Malay as a pride of Malaysian.*

**Keywords:** *Malay language curriculum, National Philosophy Education, Primary School, Philosophy of Language Theory*

## **PENGENALAN**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara (Falsafah Pendidikan Kebangsaan).

Kurikulum sekolah di Malaysia bertujuan untuk memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu daripada aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani berteraskan penyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Selaras dengan itu, FBK (Falsafah Bahasa Kebangsaan) digubal untuk dijadikan garis panduan untuk memperbaiki dan memantapkan sistem pendidikan negara kita. Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah (KSSR) pula digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam keberbahasaan harian.

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah (KSSR) ini berpaksikan kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum. Standard ini digubal dalam bentuk penyataan Standard

Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid sekolah kebangsaan dan juga sekolah jenis kebangsaan. Standard ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran serta nilai murni yang perlu dikuasai oleh murid.

Namun begitu, suatu hakikat yang tidak perlu dikesampingkan adalah dalam memenuhi tuntutan kurikulum bahasa Melayu tersebut, kita tidak perlu lupa akan falsafah pendidikan bahasa Melayu tersebut. Menurut Awang Sariyan (2004:1) kebanyakan orang terlalu menitikberatkan soal pragmatis sehingga mereka kurang memberi perhatian terhadap aspek falsafah yang menjadi dasar pragmatis dan teknis dalam bidang bahasa. Menurut beliau lagi, pemupukan tasawur yang menjadi paksi keberbahasaan bermasyarakat melalui pendidikan bahasa menjadi tempat kedua sedangkan matlamat pendidikan adalah untuk membentuk manusia yang baik , di peringkat individu mahupun masyarakat.

Menurut Mohd Rashid Md Rashid (2012:13), falsafah pendidikan bahasa merupakan hasil gabungan daripada dua konsep, iaitu falsafah bahasa dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hal ini kerana kesemua sistem pendidikan haruslah berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut Ahmad Mahmood Musanif (2008) falsafah bahasa merupakan bidang yang menggabungkan dua bidang penyelidikan, iaitu falsafah dan ilmu bahasa (linguistik). Secara umumnya, falsafah merupakan bidang yang cuba menyelidiki tentang sesuatu secara mendalam hingga mencapai ke tahap kebenaran dan hakikat. Falsafah merupakan suatu penyelidikan secara renungan dan pendalilan daripada semua aspek alam semesta. Linguistik pula merupakan satu sains yang mengkaji bahasa. Linguistik meliputi aspek meneliti, menyelidik dan menghuraikan struktur bahasa daripada peringkat bunyi–bunyi bahasa dan seterusnya penyusunan bunyi-bunyi bahasa itu menjadi kata, frasa, ayat dan seterusnya. Oleh itu, falsafah bahasa cuba mengkaji kebenaran dan hakikat dalam bahasa dan kajian bahasa.

Selaras dengan itu, maka lahirlah Teori Falsafah Bahasa dan Prinsip Kesempurnaan Berbahasa oleh Mohd Rashid Md Idris (2012). Teori Falsafah Bahasa dipelopori oleh Dr. Haji Mohd Rashid Md Idris sejak tahun 2007 menerusi tesis Ph.D beliau. Tiga prinsip asas dalam Prinsip Kesempurnaan Berbahasa menjadi tunjang kepada Teori Falsafah Bahasa, iaitu berbahasa mengikut nahunya agar maksud yang hendak disampaikan mencapai objektifnya, berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar, dan berbahasa untuk tujuan beribadah atau mentauhidkan Allah (Mohd Rashid Md Idris, 2010:43-44).

## PENYATAAN MASALAH

Falsafah pendidikan bahasa di Malaysia diterapkan melalui pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Kajian tentang sukatan pelajaran ini telah dikaji oleh Mohd Rashid Md Idris (2010). Beliau telah membuat perbandingan

Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia 1983 dengan Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu 2003. Batasan dalam kajian tersebut menyebabkan Teori Falsafah Bahasa dalam kurikulum subjek Bahasa Malaysia di sekolah tidak dibicarakan. Ekoran dengan itu penyelidik ingin meneliti aspek Teori Falsafah Bahasa dalam Kandungan Standard Bahasa Malaysia Sekolah Rendah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- i) Meneliti Teori Falsafah Bahasa.
- ii) Menyelidik kandungan standard dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia KSSR.
- iii) Mengenal pasti aspek Teori Falsafah Bahasa dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah (KSSR).

## **KAJIAN LITERATUR**

Sejak zaman dahulu bahasa merupakan bahan kajian pelbagai bidang ilmu, misalnya falsafah, antropologi, psikologi, psikolog, kesusasteraan dan linguistik atau ilmu bahasa itu sendiri. Tentu sahaja tiap-tiap bidang ini mengkaji bahasa dari sudut yang diminatinya, falsafah dari segi makna dan hukum-hukum logik yang terungkap dalam bahasa, antropologi dari segi bahasa cerminan budaya, psikologi dari segi perkaitan bahasa dengan fikiran, kesusasteraan dari segi bahasa dan keindahan serta penceritaan dan ilmu bahasa dari segi bahasa sebagai sistem perlambangan dan alat komunikasi (Asmah Hj. Omar, 1992:1) dalam Ahmad Mahmood Musanif (2008:3).

Menurut Hashim Musa (1994:iv), falsafah bahasa meneliti hubungan antara bahasa dengan ilmu pengetahuan manusia, proses berfikir, pandangan dunia dan realiti kewujudan manusia dalam erti kata bahawa bahasa adalah wahana yang utama bagi segala perhubungan, pengucapan, perakaman dan pewarisan bagi kegiatan berbahasa dan tamadun manusia.

Menurut Searle dalam Mohd Rashid Md Idris (2010:76), falsafah linguistik terlibat dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah falsafah melalui kerja-kerja menganalisis makna kata dan pertalian logis. Falsafah bahasa ialah usaha- usaha menganalisis ciri-ciri umum seperti rujukan, kebenaran penyaihan, lakuhan pertuturan dan keperluan logis. Oleh yang demikian, premis dasar falsafah bahasa adalah tentang adanya kaitan yang erat antara bentuk atau struktur dan kandungan bahasa dengan bentuk dan kandungan konsepsi (Mohd Rashid Md Idris, 2010:77).

Menurut Awang Sariyan (2004), Falsafah Pendidikan Bahasa pula ialah subfalsafah induk, iaitu falsafah yang berpandukan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Awang Sariyan juga mengemukakan Falsafah Pendidikan Bahasa sebagai upaya mengembangkan potensi berbahasa yang telah dikurniakan Tuhan


kepada seluruh manusia, sesuai dengan ungkapan *haiwan natiq* yang dikiaskan kepada manusia. Selain itu, pendidikan bahasa juga sebagai upaya meneliti sistem dalam ciptaan Tuhan dan sebagai satu cabang pendidikan umum, iaitu sebagai satu subjek dan juga sarana pemerolehan dan pengembangan ilmu. Pendidikan bahasa juga sebagai wahana pewarisan nilai-nilai keberbahasaan bermasyarakat. Awang Sariyan juga menegaskan bahawa kerangka rujukan atau acuan yang berbentuk falsafah itu penting supaya semua program aktiviti pendidikan merupakan realisasi prinsip dan nilai yang terkandung dalam falsafah supaya matlamat pendidikan menjadi jelas.

Menurut Mohd Rashid Md Idris (2012:13), falsafah pendidikan bahasa merupakan gabungan daripada dua konsep, iaitu falsafah bahasa dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hal ini kerana kesemua sistem pendidikan haruslah berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut Awang Sariyan (2010) dalam Mohd Rashid Md Idris (2012:13), falsafah pendidikan bahasa itu haruslah selari dengan Falsafah Pendidikan Negara dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek serta sumbangan bahasa terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Falsafah Pendidikan Bahasa juga merupakan kesepadan antara Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan falsafah bahasa yang merangkumi intipati konsep JERI dan tiga prinsip kesempurnaan berbahasa (Teori Falsafah Bahasa).

Teori Falsafah Bahasa pula dikemukakan oleh Mohd Rashid Md Idris (2007) dalam tesis Doktor Falsafah beliau yang ketika itu teori ini dinamai Model Falsafah Bahasa. Menurut beliau, Teori Falsafah Bahasa dicipta hasil gandingan mantap antara Teori Relatif dengan Teori Kenuranian Bahasa. Dapatkan Teori Relatif, iaitu bahasa berperanan dalam mempengaruhi pemikiran dan cara berbahasa individu dan masyarakat penuturnya menjadi asas kepada Teori Falsafah Bahasa. Dapatkan Teori Kenuranian Bahasa, iaitu potensi berbahasa adalah kurniaan Allah. Bagi memperkemas Teori Falsafah Bahasa yang dicipta ini, Mohd Rashid Md Idris (2007) telah mengketengahkan satu bentuk gambar rajah berserta dengan huraian berkaitan rajah tersebut untuk memperjelaskan Teori Falsafah Bahasa ini.

## TEORI FALSAFAH BAHASA

Menurut Mohd Rashid Md Idris (2007), Teori Falsafah Bahasa dapat diperincikan seperti dalam Rajah 1. Dalam rajah di bawah, bulatan menggambarkan perlunya kita berbahasa secara sempurna (komprehensif) bukan sahaja dari segi nahunya, tetapi juga perlu meliputi aspek makna dan tujuannya. Segala ujaran kita mestilah dalam konteks yang difahami, disenangi oleh pendengar, dan bertujuan baik selaras dengan tuntutan syarak. Bentuk ini juga menggambarkan peranan bahasa yang dapat memberikan gambaran keseluruhan keberbahasaan orang Melayu. Pada masa yang sama bulat juga menggambarkan agama orang Melayu, iaitu Islam yang perlu diamalkan secara holistik. Bulatan ini juga menggambarkan kitaran berbahasa manusia yang berputar dan akhirnya akan kembali semula kepada sejarah kejadian asalnya.



**Rajah 1 Teori Falsafah Bahasa**

Anak panah dua hala menunjukkan wujudnya hubungan langsung (tersurat) antara penutur dengan pendengar (hubungan sesama manusia). Dalam hal ini, antara mereka akan berlakunya keadaan saling menghantar maklumat dan maklum balas supaya kegiatan berbahasa itu aktif dan memenuhi keperluan bersama. Garisan putus pula menunjukkan wujudnya hubungan secara abstrak (tersirat) antara manusia dengan Allah selaku pencipta. Dalam hubungan ini, Allah telah menganugerahkan banyak perkara kepada hambaNya. Anugerah yang terbesar diberikan oleh Allah ialah kejadian manusia itu sendiri (Allah menciptakan Adam dan anak juga adalah anugerah Allah) sehingga manusia itu dapat mengecap kenikmatan dunia, anugerah akal untuk berfikir, dan anugerah bahasa (alat-alat pertuturan dan Allah mengajarkan dan nama-nama kepada Adam).

Teori ini telah mengketengahkan suatu situasi yang lebih jelas tentang perlunya seseorang itu menggunakan alat-alat artikulasi (alat-alat pertuturan) yang dikurniakan oleh Allah dengan cara yang betul. Kesempurnaan kegiatan berbahasa dapat dilaksanakan dengan mengambil kira tiga prinsip asas, iaitu:

1. Berbahasa mengikut nahunya agar maksud yang hendak disampaikan itu mencapai objektifnya.
2. Berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.
3. Berbahasa untuk tujuan ibadah atau mentauhidkan Allah.

## **Kurikulum Pendidikan Bahasa Melayu**

Menurut Mok Soon Sang (2008:197), kurikulum merangkumi pengalaman keberbahasaan nyata dan tidak nyata yang dipilih, diorganisasi dan disusun oleh sarjana pendidikan dan pakar kurikulum secara teliti dan profesional. Ia demi menjadikan pelbagai jenis aktiviti pembelajaran nyata dan tidak nyata seperti yang dijalankan di dalam dan di luar bilik darjah, di dalam dan di luar kawasan sekolah untuk semua peringkat persekolahan. Manakala Hist (1975) mendefinisikan kurikulum sebagai satu program yang mengandungi aktiviti-aktiviti pembelajaran

yang disusun oleh guru untuk membolehkan murid-murid mencapai objektif yang ditentukan (Mok Soon Sang, 2008:197).

Menurut Kementerian Pelajaran Malaysia, kurikulum bermaksud segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah atau institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan. Ia adalah suatu rancangan yang meliputi segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai-nilai dan norma unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat untuk diperturunkan kepada ahli-ahlinya. Oleh itu, kurikulum amat penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Kurikulum pendidikan merupakan satu wadah penting dalam menjana anjakan paradigma dalam diri setiap individu dan ia juga memainkan peranan yang penting untuk melahirkan insan deduktif yang dinamik dalam aspek keberbahasaan (Mastura Badzis,2008).

Di Malaysia, bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa penghantar ilmu sejak kemerdekaan pada tahun 1957 (Awang Sariyan,2004:33). Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007:350), pendidikan bermaksud perihal mendidik, ilmu dan didikan. Pendidikan juga bermaksud suatu usaha yang dilakukan bagi membangunkan yang ada dalam diri manusia. Pendidikan Bahasa Melayu ialah ilmu atau didikan bahasa Melayu yang melalui proses pendidikan dari peringkat sekolah sehingga institut pengajian tinggi.

### **Kurikulum Standard Bahasa Melayu Sekolah Rendah**

Kurikulum Standard Bahasa Melayu Sekolah Rendah merupakan transformasi kurikulum kebangsaan yang telah dicetuskan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Bin Yassin pada tahun 2008. Cetusan transformasi ini adalah rentetan daripada GTP (Program Transformasi Kerajaan) yang mengubah dasar kerajaan untuk menjadi institusi yang lebih cekap dan berpegangkan rakyat. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan satu kajian dan mendapat wujudnya keperluan untuk melakukan transformasi kurikulum sekolah rendah.

Transformasi kurikulum sekolah rendah merupakan penyusunan semula dan penambahbaikan kurikulum persekolahan rendah sedia ada. Tujuan transformasi adalah untuk memastikan murid dibekalkan dengan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang relevan dengan keperluan semasa bagi menghadapi cabaran abad ke-21. Fokus transformasi kurikulum persekolahan rendah adalah kepada kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), sebaliknya mengambil kira kemahiran penaakulan, kreativiti dan inovasi, teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) serta elemen keusahawanan.

Dalam proses transformasi kurikulum persekolahan rendah, KPM telah melakukan penandaarasan dengan kurikulum persekolahan negara maju bagi memastikan kurikulum persekolahan kebangsaan yang dibangunkan setanding dengan pendidikan global. Di samping itu, KPM turut mendapatkan input daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti Pertubuhan Bukan Kerajaan, industri,

akademik dan ibu bapa. Berdasarkan kepada input-input tersebut, maka konsep kurikulum persekolahan rendah berasaskan standard dibangunkan.

Lanjutan daripada itu, konsep kurikulum persekolahan rendah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil.3/2009 pada 2 Oktober 2009. KPM membangunkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berasaskan prinsip-prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum yang dibangunkan turut melibatkan kurikulum Pendidikan Khas. Bagi memastikan kurikulum tersebut mantap, pelaksanaan rintis telah dilakukan di sekolah rendah terpilih di seluruh negara.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berhasrat untuk melahirkan insan yang seimbang, berfikiran kreatif, kritis dan inovatif melalui tunjang-tunjang komunikasi, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika, keterampilan diri, kemanusiaan dan kerohanian, sikap dan nilai. Kurikulum Standard Sekolah Rendah berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. KSSR mengambil kira cabaran abad ke-21, Model Baru Ekonomi (MBE) dan teori pembelajaran terkini. KSSR juga menggunakan empat tonggak pendidikan UNESCO, iaitu belajar untuk mengetahui (learning to know), belajar untuk bertindak (learning to do), belajar untuk berbahasa bersama (learning to live together) dan belajar untuk membentuk peribadi (learning to be). Murid yang mengikuti KSSR akan mempunyai asas-asas berikut:

- i) Insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial (JERIS).
- ii) Warganegara yang bertanggungjawab.
- iii) Warganegara yang boleh berperanan di arena global (Global Player).
- iv) Pekerja berilmu.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah mengekalkan kesemua prinsip KBSR. Prinsip ini dikekalkan kerana masih sesuai dan relevan untuk melahirkan insan yang seimbang dan holistik. Prinsip-prinsip tersebut adalah Pendekatan Bersepadu, Perkembangan Individu Secara Menyeluruh, Pendidikan Saksama Untuk Semua Murid, dan Pendidikan Seumur Berbahasa.

Bentuk Kurikulum yang diperkenalkan dalam KSSR merupakan satu bentuk pengklasifikasi bidang ilmu, kemahiran dan nilai. Konsep ini berfokus kepada pembentukan modal insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Enam tunjang dikenal pasti mewakili bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang menjadi asas kepada pembangunan insan yang berfikiran kreatif, kritis dan inovatif. Tunjang-tunjang tersebut menggambarkan penstrukturkan secara eksplisit bidang ilmu, kemahiran dan nilai yang perlu dikuasai murid. Setiap tunjang saling berhubung kait dan bersepadu seperti dalam rajah di bawah.



## METODOLOGI KAJIAN

Dalam usaha menyempurnakan kajian, metodologi kajian perlu dititikberatkan oleh penyelidik kerana metodologi merupakan jentera yang akan menggerakkan sesuatu kajian (Sidek Mohd Noah, 2002). Menurut Cohen dan Manion (1996), metodologi boleh ditakrifkan sebagai pendekatan yang digunakan dalam penyelidikan bagi mengumpul data. Data ini akan digunakan sebagai asas bagi membentuk inferensi dan pentafsiran bagi tujuan menghurai dan membuat jangkaan tentang sesuatu fenomena. Penyelidik telah menjalankan kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan ini penting bagi penyelidik memperoleh maklumat yang benar dan sahih yang berkaitan bidang falsafah bahasa dan kurikulum bahasa Malaysia sekolah rendah.

## DAPATAN KAJIAN

### Kandungan Standard Dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Kssr

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal dengan memberikan penekanan pada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu diketahui dan dapat dilakukan oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran ini berpaksikan Kemahiran Bahasa dan Sistem Bahasa yang disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum. Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid sekolah kebangsaan dan juga di sekolah jenis kebangsaan. Standard ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran serta nilai murni yang perlu dikuasai oleh murid.

## **Standard Kandungan**

Pernyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai murni.

## **Standard Pembelajaran**

Pernyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian murid bagi setiap standard kandungan.

## **Kemahiran**

Kandungan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia mengandungi aspek kemahiran berbahasa, seni bahasa dan tatabahasa. Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa merupakan teras penguasaan bahasa baku.

### **i) Kemahiran Mendengar**

Kemahiran ini merujuk kepada keupayaan murid mendengar dengan teliti dan memahami perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan seperti bersoal jawab, ucapan, lakonan dan perbincangan. Murid juga perlu menghayati dan memberi respons yang betul kepada perkara yang didengar. Kemahiran bertutur pula merujuk kepada keupayaan murid berbicara secara lisan untuk hubungan sosial, menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kritis dan kreatif. Penekanan diberi pada sebutan dan intonasi yang betul serta pengucapan yang bertatasusila serta menggunakan tatabahasa yang betul.

### **ii) Kemahiran Membaca**

Kemahiran membaca merujuk kepada keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda dan kelancaran yang betul dengan menggunakan pelbagai teknik bacaan. Penekanan perlu juga diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan ilmu, dan bahan sastera dan bukan sastera secara kritis.

### **iii) Kemahiran Menulis**

Kemahiran menulis pula merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan ayat, serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan kreatif dan bukan kreatif yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi. Penekanan juga diberi pada penulisan yang menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca dan tatabahasa serta ejaan yang betul dengan tulisan yang

jelas dan kemas. Murid juga digalak menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan bahan penulisan.

**iv) Aspek Seni Bahasa**

Aspek ini merujuk kepada keupayaan murid mengungkap dan mengapresiasi keindahan bahasa, memahami dan menghargai bahasa melalui pembelajaran yang menyeronokkan menerusi kepelbagaian aktiviti secara didik hibur. Murid juga dapat menggunakan kreativiti mereka dalam melahirkan idea melalui penulisan dan lisan. Seni bahasa memberi penekanan kepada keindahan bahasa yang dipelajari oleh murid melalui teknik penyampaian yang menarik dan menyeronokkan seperti bernyanyi, bercerita, berlakon dan berpuisi. Pembentukan ayat yang menggunakan simile, peribahasa, bahasa kiasan dan personifikasi yang terdapat dalam puisi dan penulisan kreatif juga menampakkan keindahan dan seni dalam bahasa Melayu. Keindahan bahasa yang digunakan semasa aktiviti seni bahasa ini dapat membantu murid memantapkan lagi kemahiran berbahasa mereka.

**v) Aspek Tatabahasa**

Aspek tatabahasa merujuk kepada keupayaan murid menguasai perkara asas dalam pembentukan kata dan ayat serta menggunakan tatabahasa mengikut cara dan sistem yang betul semasa membina ayat. Selain itu, aspek sebutan, intonasi dan semantik serta penggunaan peribahasa dan perbendaharaan kata yang betul juga diberi penekanan. Pengajaran dan pembelajaran tatabahasa diberi penekanan melalui penggabung jalinan kemahiran bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Standard Kurikulum Bahasa Malaysia menekankan beberapa aspek dalam pengajaran merangkumi fokus utama, fokus sampingan, objektif, aktiviti, pentaksiran, pengayaan dan pemulihan. Isi kandungan modul boleh diubahsuai mengikut kreativiti guru dan kebolehan murid. Kesemua aspek ini dijelmakan mengikut keutamaan berikut, iaitu tema, tajuk, fokus utama, fokus sampingan, objektif, pengisian kurikulum, sistem bahasa, media, dan strategi pengajaran dan pembelajaran.

## **STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Strategi pengajaran dan pembelajaran mestilah memuatkan aktiviti yang menjurus kepada pencapaian objektif. Aktiviti-aktiviti ini ditulis menggunakan beberapa langkah pengajaran yang menggabungkan aktiviti-aktiviti fokus utama dan fokus sampingan. Strategi pengajaran dan pembelajaran ini juga memuatkan aspek pentaksiran, pengayaan dan pemulihan serta latihan-latihan yang berkaitan. Semua maklumat tentang strategi ini dipaparkan dalam tiga lajur, iaitu aktiviti, pengisian kurikulum dan catatan.

## **PENTAKSIRAN**

Pentaksiran pula dianggap sebagai sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Pentaksiran merupakan proses penilaian untuk menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran atau pembelajaran tercapai. Oleh itu, pentaksiran perlulah dijalankan berterusan dalam setiap pengajaran dan pembelajaran. Hanya melalui pentaksiran yang berterusan, guru dapat memastikan tindakan susul yang perlu diambil ke atas seseorang murid, sama ada untuk memberi latihan pemulihan atau pengayaan.

## **ASPEK PEMULIHAN**

Aspek ini pula disediakan untuk membantu murid yang belum menguasai kemahiran agar dapat memahami pengajaran dalam tempoh yang ditetapkan dengan penggunaan bahan yang berbeza dan sesuai dengan kebolehan mereka. Bahan untuk program ini terdiri daripada kad, carta, bahan maujud, alat permainan, dan lain-lain yang boleh digunakan secara berperingkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Latihan yang diberi perlu mengikut kemampuan murid dan kadar masa untuk mereka menguasai sesuatu kemahiran.

## **ASPEK PENGAYAAN**

Aspek pengayaan ini perlu diberikan penekanan dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah mengikut kecerdasan murid yang berbeza dari segi kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat. Murid yang membuat latihan pengayaan ialah murid yang dikesan telah menguasai kemahiran yang diajar melalui pentaksiran yang diberi. Murid ini hendaklah diberikan bahan yang berbeza daripada murid pemulihan. Bahan yang digunakan perlu lebih mencabar minda dan digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru yang paling minima. Bahan seperti bahan bacaan tambahan, kad permainan bahasa dan bahan-bahan untuk aktiviti boleh diberikan kepada murid.

## **AKTIVITI PENGAYAAN DAN PEMULIHAN**


Aktiviti pengayaan dan pemulihan hendaklah dijalankan secara serentak. Guru perlu memberi penjelasan cara melakukan latihan pengayaan dan memberi ruang untuk murid tersebut membuat latihan yang diberi secara sendiri. Pada masa yang sama, guru perlu memberi tumpuan untuk membimbing murid yang lemah menjalankan aktiviti pemulihan.

## ELEMEN MERENTAS KURIKULUM (EMK)

Elemen Merentas Kurikulum ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, selain yang ditetapkan dalam standard kandungan.

Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen merentas kurikulum yang sedia ada adalah seperti **Bahasa, Sains dan Teknologi, Pendidikan Alam Sekitar, Nilai Murni** dan **Patriotisme**.

Elemen merentas kurikulum yang baharu, iaitu **Kreativiti dan Inovasi, Keusahawanan, serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi** dikenal pasti sebagai pelengkap kepada usaha memantapkan kualiti pelaksanaan KSSR. Guru hendaklah memastikan kesemua elemen merentas kurikulum diterapkan secara efektif dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi melahirkan insan yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hubungan elemen merentas kurikulum yang sedia ada dan baharu dalam pembangunan insan yang seimbang digambarkan melalui rajah di bawah.



Elemen Merentas Kurikulum ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran, selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Penerapan elemen ini bertujuan untuk mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Pengisian kurikulum tersebut merangkumi perkara-perkara yang disenaraikan.

### Ilmu Bahasa

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu dalam bidang sains, dan geografi dapat digunakan untuk memperkembangkan ilmu bahasa dan

kemahiran bahasa. Ilmu lain yang berkaitan dengan hal-hal semasa juga boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

### **Nilai Murni**

Penyerapan nilai murni dalam Kurikulum Bahasa Malaysia bertujuan melahirkan insan yang berketerampilan dan memiliki akhlak yang mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan murni dapat membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berkeperibadian luhur. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni dalam masyarakat Malaysia harus dipupuk secara langsung atau tidak langsung selaras dengan nilai-nilai sejagat. Antara nilai murni ialah baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional, dan semangat bermasyarakat.

Seseorang guru mestilah meletakkan nilai yang hendak diterapkan dalam pengajaran. Nilai-nilai tersebut perlulah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan keseimbangan dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani.

### **Patriotisme dan Kewarganegaraan**

Elemen patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan Bahasa Malaysia mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat akan negara, serta berbangga sebagai rakyat Malaysia. Semangat patriotisme dan kewarganegaraan dipupuk melalui mata pelajaran dan aktiviti kurikulum bertujuan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai jati diri, cinta akan bahasa dan bangsa, serta meningkatkan komitmen individu terhadap negara.

### **Peraturan Sosiobudaya**

Peraturan sosiobudaya dalam Kurikulum Bahasa Malaysia merangkumi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Peraturan sosiobudaya ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

### **Sains dan Teknologi**

Penerapan empat unsur sains dan teknologi dalam mata pelajaran lain dilaksanakan melalui kandungan, aktiviti dan bahan atau prasarana. Antara unsurnya ialah pengetahuan sains dan teknologi. Kemahiran saintifik dan penggunaan teknologi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

### **Pendidikan Alam Sekitar**

Pendidikan alam sekitar bertujuan untuk menanam sikap mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid. Aktiviti berkaitan dengan alam sekitar boleh memberikan kesedaran dan membentuk etika murid untuk menghargai alam.

### **Kreativiti dan Inovasi**

Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam pengajaran dan pembelajaran KSSR bagi membangun dan mengembangkan tahap potensi kreativiti mengikut keupayaan individu murid. Selain itu, kreativiti merujuk kepada tindakan penghasilan idea, pendekatan atau tindakan baharu. Inovasi pula ialah proses menjana idea dan mengaplikasikan idea, serta kreatif dalam konteks tertentu. Kreativiti dan inovasi perlu digandangkan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk membangunkan modal insan yang dihasratkan.

### **Keusahawanan**

Elemen keusahawanan merentas kurikulum merupakan satu pendekatan membudayakan keusahawanan. Proses ini melibatkan pembentukan sikap keusahawanan serta amalan nilai moral dan etika dalam keusahawanan. Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.

### **Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) diaplikasikan dan diintegrasikan supaya murid dapat belajar mengenai perkakasan dan perisian. Selain itu, guru dan murid menggunakan TMK sebagai alat untuk mengajar dan belajar. Murid juga belajar melalui TMK untuk mengakses maklumat dan ilmu pengetahuan menggunakan media TMK seperti internet dan lain-lain untuk meluaskan penerokaan ilmu pengetahuan dalam urusan keberbahasaan.

### **Kemahiran Bernilai Tambah**

Kemahiran bernilai tambah merupakan salah satu elemen yang terkandung dalam pengisian kurikulum. Penekanan kepada unsur bernilai tambah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia (KSSR) atau Bahasa Melayu (KBSR) dapat membentuk murid-murid menjadi seorang yang lebih berkeyakinan. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ada disenaraikan.

#### **A) Kemahiran Berfikir**

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid-murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif semasa aktiviti mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran berfikir merangkumi kemahiran murid mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah atau membuat keputusan adalah penting dalam keberbahasaan seharian dan kerjaya murid pada masa hadapan.

**B) Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi**

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajar kepada murid supaya mereka dapat menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugasaran harian dan mengakses maklumat melalui Internet.

**C) Kemahiran Belajar Cara Belajar**

Kemahiran belajar cara belajar ini perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid-murid meningkatkan pengetahuan dan cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan mengamalkannya seumur berbahasa.

**D) Kajian Masa Depan**

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid-murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid-murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta mengendalikan perubahan supaya murid mendapat manfaat yang maksimum.

**E) Kecerdasan Pelbagai**

Kecerdasan pelbagai merangkumi verbal linguistik, logik-matematik, muzik, kinestatik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid-murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

**F) Pembelajaran Konstruktivisme**

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid-murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini

menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat.

#### G) Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkret serta melibatkan latih amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid-murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanannya pembelajaran dengan keberbahasaan mereka.

### Teori Falsafah Bahasa Dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia

Bagi mengetengahkan aspek Teori Falsafah Bahasa dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah, penyelidik memfokuskan pertalian teori tersebut dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah 2009. Pertalian tersebut berkisar pada Standard Kurikulum Bahasa Malaysia yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 2009. Aspek yang dikaji ialah kemahiran bahasa, strategi pengajaran dan pembelajaran, elemen merentas kurikulum (EMK) dan pengisian kurikulum.

Kandungan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah mengandungi aspek kemahiran berbahasa, seni bahasa dan tatabahasa. Kemahiran bahasa meliputi kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Kemahiran bahasa merupakan teras penguasaan bahasa baku. Begitu juga dengan aspek seni bahasa yang merujuk kepada keupayaan murid untuk mengungkap dan mengapresiasi keindahan bahasa, memahami dan menghargai bahasa melalui pembelajaran yang menyeronokkan menerusi kepelbagaiannya aktiviti secara didik hibur. Berdasarkan Teori Falsafah bahasa, pernyataan tersebut bersesuaian dengan prinsip teori yang pertama, iaitu seseorang perlu berbahasa mengikut nahu. Apabila seseorang murid tersebut dapat berbahasa mengikut nahu, keterampilan diri seseorang tersebut akan terserlah. Hal inilah yang menjadi matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia agar pelajar berjaya berkomunikasi mengikut nahu bagi memenuhi aspirasi dalam bidang pekerjaan mahupun dalam urusan sehari-hari. Contohnya, apabila berurusan dengan seseorang, penggunaan kata ganti nama diri yang sesuai dapat diujarkan agar proses komunikasi tersebut dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Di samping itu, strategi pengajaran dan pembelajaran KSSR memuatkan aktiviti yang menjurus kepada pencapaian objektif. Aktiviti-aktiviti ini dituliskan menggunakan beberapa langkah pengajaran yang menggabungkan aktiviti-aktiviti fokus utama dan fokus sampingan. Strategi pengajaran dan pembelajaran juga memuatkan aspek pentaksiran, pengayaan, pemulihan serta latihan-latihan

yang berkaitan. Guru perlu memberikan penjelasan cara melakukan latihan pengayaan dan memberi ruang untuk murid membuat latihan secara sendiri. Pada masa yang sama, guru perlu memberi tumpuan untuk membimbing murid yang lemah menjalankan aktiviti pemulihian. Berdasarkan kenyataan tersebut, maka prinsip kesempurnaan berbahasa yang kedua dapat dikaitkan, iaitu berbahasa untuk menyampaikan maklumat atau fakta yang betul dan benar.

Dalam aspek elemen merentas kurikulum (EMK), iaitu unsur nilai tambah yang diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran selain dalam standard kandungan ada kaitannya dengan prinsip kesempurnaan berbahasa yang kedua, iaitu menyampaikan ilmu yang betul. Ilmu merangkumi pelbagai bidang dan disiplin, contohnya bidang sains, geografi, matematik dapat digunakan untuk memperkembangkan ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Pada masa sama, ternyata elemen ini juga bersesuaian dengan prinsip kesempurnaan berbahasa yang pertama, iaitu berbahasa mengikut nahu agar mencapai objektifnya.

Selain itu, elemen nilai murni dan patriotisme serta kewarganegaraan yang bertujuan untuk melahirkan insan yang berketerampilan dan memiliki nilai akhlak yang mulia juga bertaut dengan prinsip kesempurnaan berbahasa yang ketiga, iaitu berbahasa untuk tujuan ibadah. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa konsep ibadah tersebut bukan sahaja pada ibadah khusus sahaja seperti sembahyang, puasa zakat dan haji. Komunikasi yang berkesan ialah komunikasi yang melibatkan semua bentuk hubungan sesama manusia dengan segala bentuk keperluannya. (Mohd Rashid Md Idris, 2012:72). Menurut beliau lagi hubungan manusia terbahagi kepada tiga, iaitu hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia, dan hubungan manusia dengan alam sekitar. Jelaslah bahawa kewujudan pertalian antara elemen merentas kurikulum (EMK) dengan Teori Falsafah Bahasa melalui prinsip kesempurnaan berbahasa.

Elemen Peraturan Sosiod budaya dalam Kurikulum Bahasa Malaysia KSSR merangkumi kesantunan bahasa, laras bahasa dan peribahasa yang diamalkan dalam kalangan masyarakat Malaysia ternyata mempunyai pertalian dengan prinsip kesempurnaan berbahasa, iaitu berbahasa mengikut nahu agar maksud yang hendak disampaikan itu mencapai objektifnya. Secara tidak langsung, hubungan penutur wujud secara langsung dan inilah anugerah Allah yang tidak terhingga sehingga kita mampu mengecap kenikmatan dunia dengan anugerah akal dan bahasa.

Tambahan lagi, elemen pendidikan alam sekitar yang bertujuan menanam sikap mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid-murid. Aktiviti-aktiviti seperti ini boleh memberikan kesedaran dan membentuk etika murid untuk menghargai alam sekitar. Hubungan manusia bukan sekadar dengan manusia sahaja. Menurut Mohd Rashid Md Idris (2012:72), hubungan manusia terbahagi kepada tiga, iaitu hubungan dengan Allah, hubungan sesama manusia, dan hubungan dengan alam sekitar. Maka jelaslah wujud pertalian Kandungan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah dengan Teori Falsafah Bahasa.

Seterusnya Kemahiran Bernilai Tambah (KBT) yang merupakan kandungan dalam pengisian kurikulum yang turut dilihat mempunyai pertalian dengan Teori Falsafah Bahasa. Penekanan unsur bernilai tambah dalam aktiviti P&P Bahasa Malaysia (KSSR) dapat membentuk murid-murid menjadi lebih berkeyakinan. Contohnya kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa hadapan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual. Kemahiran-kemahiran ini bukan sahaja dapat membentuk manusia yang berilmu, malahan membentuk manusia yang sentiasa bersyukur kepada Allah dan mampu mendekatkan diri murid-murid serta guru dengan Penciptanya. Contohnya kemahiran berfikir dan berkomunikasi, murid-murid diajar untuk menjawab soalan-soalan yang memerlukan pemikiran kreatif dan kritis dan merangkumi mengkonsepsikan idea dalam membuat keputusan. Begitu juga dengan kemahiran berkomunikasi yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat menggunakan teknologi e-mel dalam menyempurnakan tugas-harian. Dengan itu, murid-murid akan cuba memberikan idea-idea yang bernes, kritis dengan sebutan dan pengucapan yang santun serta sopan.

Misalnya dalam kemahiran bertutur, para guru diminta untuk mengajar murid supaya menggunakan tatabahasa yang betul ketika berbicara. Hal ini jelas menunjukkan guru-guru perlu mengajar bahasa Melayu tinggi kepada murid-murid. Hal ni dinyatakan dalam teori Falsafah Bahasa, iaitu berbahasa mengikut nahu. Menurut Abdullah Hassan (dalam Zaidi Ismail, 2012) dalam makalahnya, *Bahasa Melayu Tinggi Wahana Budaya Intelektual dan Tinggi* menegaskan bahawa dua aspek yang perlu diberikan perhatian dalam penggunaan bahasa Melayu tinggi, iaitu mematuhi aspek peraturan bahasa dan peraturan tata budaya. Aspek peraturan bahasa yang perlu dipatuhi dalam bahasa Melayu tinggi meliputi sebutan, ejaan, perkataan, ayat dan makna secara rapi. Aspek peraturan tata budaya yang perlu dipatuhi pula adalah seperti penggunaan ganti nama, sistem gelaran dan panggilan sesuai dengan taraf orang yang berkomunikasi, dan pemilihan perkataan yang sesuai dengan konteks. Jelaslah bahawa terdapat pertalian yang erat antara prinsip kesempurnaan berbahasa dengan aspek kemahiran bahasa dalam Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah KSSR.

Berdasarkan kandungan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah, kesemua aktiviti tersebut menjurus kepada prinsip kesempurnaan berbahasa. Dalam bidang interpersonal misalnya, wujud jalinan hubungan atau interaksi sesama manusia. Menurut Teori Falsafah Bahasa (Teori Rashid), jalinan hubungan tersebut bertujuan dan ia merupakan satu ibadah, iaitu hubungan sesama manusia. Dalam bidang maklumat pula, murid dikehendaki memperoleh maklumat daripada pelbagai bahan. Maklumat tersebut perlulah maklumat yang benar. Menurut Teori Rashid apabila kita hendak berbahasa, ujaran atau maklumat tersebut perlulah maklumat yang benar. Sumber-sumber yang diperoleh perlulah sahih dan dipercayai. Manakala dalam bidang estetik pula tentang penghayatan hasil karya yang indah. Di sini jelas menunjukkan pertalian dengan Teori Falsafah Bahasa, iaitu berbahasa untuk tujuan ibadah. Banyak karya-karya dimuatkan untuk

menggambarkan hubungan manusia dengan Penciptanya. Sebagai misalan, *Syair Berbuat Jasa* (Harun Mat Piah,2011:11) menggambarkan hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan Pencipta.

Pertalian kesemua elemen dapat dilihat dalam Teori Falsafah Bahasa yang diterap dalam pengisian kurikulum. Bagi menjelaskan lagi pertalian antara Teori Falsafah Bahasa dengan kandungan Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah, kita lihat contoh Rancangan Pengajaran Harian dan Teori Falsafah Bahasa.

## KESIMPULAN

“Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang telah diperuntukkan dengan undang-undang Parlimen.” Perlembagaan Malaysia Fasal (1) Perkara 152 dalam Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan undang-undang ini menjelaskan kepada kita bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan negara kita. Golongan pendidik yang bertanggungjawab bagi merealisasikan impian tersebut. Standard Kurikulum Bahasa Malaysia Sekolah Rendah digubal agar para pelajar memahami, menghayati dan melahirkan rasa bangga menjadi rakyat Malaysia yang berbahasa Melayu. Para pendidik juga harus memahami dan menghayati Teori Falsafah Bahasa ini. Berbahasa bukan sahaja sebagai alat menyampaikan maklumat semata-mata, malah lebih daripada itu. Tujuan utama manusia diutuskan adalah untuk tujuan beribadah kepada Maha Pencipta. Para guru juga perlu menjalankan tugas berlandaskan Teori Falsafah Bahasa agar setiap pekerjaan yang dilaksanakan menjadi satu ibadah yang banyak memberi manfaat di dunia mahupun di akhirat. Oleh itu, para guru wajib memainkan peranan mereka dalam menjayakan FPK dan menjunjung aspirasi pendidikan yang mahu meletakkan kualiti pendidikan di Malaysia bertaraf dunia.

## RUJUKAN

- Ahmad Mahmood Musanif. (2008). *Falsafah bahasa Melayu*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu kemas kini*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras pendidikan bahasa Melayu atas pegangan guru*. Bentong, Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan Tiga. (2003). Pusat Perkembangan Kurikulum. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2011). *Harga sebuah lukisan tingkatan 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum bersepadu sekolah menengah, sukan dan pelajaran bahasa Melayu*. Pusat Perkembangan Kurikulum.

- Mohd Rashid Md Idris & Abu Hassan Abdul. (2010). *Falsafah pendidikan bahasa*. Tanjung Malim: Emeritus Publications.
- Mohd Rashid Md Idris. (2012). *Teori falsafah bahasa (Teori Rashid)*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mok Soon Sang. (2010). *Falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Supian bin Mohamad Noor, Ali bin Haji Mahmood & Azizul Rahman bin Abdul Rahman. (2004). *Bahasa Melayu Tingkatan 3*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

